

BAB EMPAT:

RUMUSAN DAN CADANGAN

BAB EMPAT

RUMUSAN DAN CADANGAN

4.1 Pendahuluan

Di dalam Bab 3, pengkaji telah menjelaskan aspek Penggunaan Syair Arab Dalam Pengajaran Nahu Arab . Konsep pengajaran dan pembelajaran tersebut berlangsung mengikut rentak induktif (*istiqrāiey*) iaitu didahului dengan satu penyeluruhan seterusnya membawa kepada juzuk-juzuk yang membina makna umum puisi al-Mutanabbiy.

Selanjutnya untuk menilai sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran itu, penilaian harus dilakukan untuk menjamin tahap kefahaman pelajar yang mantap di dalam menghadami pembelajaran yang dilalui. Penilaian adalah berhubung dengan objektif yang ingin dicapai dalam sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran.

Sebagaimana yang diterangkan pengkaji dalam 1.7 Objektif Kajian, kajian ini bermatlamatkan beberapa objektif. Antaranya, menyingkap penggunaan syair Arab dalam pengajaran nahu Arab , meninjau keberkesanan penggunaan syair Arab dalam pengajaran nahu Arab , membiasakan pelajar-pelajar menggunakan bahasa Arab dalam penulisan dengan menghafal teks-teks yang mempunyai autoriti bahasa dan menerapkan penggunaan syair Arab di kalangan pelajar-pelajar.

Proses tersebut disandarkan kepada soalan-soalan yang dibentuk sebaik mungkin untuk memudahkan pelajar memahami arahan, makna dan maksud yang tersirat, penggunaan perkataan dan nahu puisi al-Mutanabbi yang menjadi landasan perbahasan. Item-item yang dibentuk berdasarkan juga kepada aspek kesediaan belajar.

4.2 Rumusan

Dalam kajian ini, iaitu PENGUNAAN SYAIR ARAB DALAM PENGAJARAN NAHU ARAB, pengkaji mendapati kesusasteraan Arab mampu memainkan peranan dalam menjana kemampuan berbahasa pelajar-pelajar yang mengikuti pembelajaran bahasa Arab.

Pelajar itu lebih baik dipertingkatkan minatnya supaya dapat menikmati kesusasteraan itu daripada merendahkan sastera itu supaya lebih senang mereka fahami. Ini berlandaskan kepada Model Penggunaan Syair Arab Dalam Pengajaran Nahu Arab yang dibentangkan dalam pada Bab Tiga.

Pengkaji merumuskan bahawa penggunaan Kaedah Mengalami-Menghayati dalam mengajar syair amat baik supaya pelajar terangsang untuk mengetahui jalan cerita yang terkandung dalam sesebuah syair itu. Pelajar perlu didorong untuk tertanya-tanya apakah kesudahan cerita apabila kronologi peristiwa disampaikan dengan gaya bahasa yang menarik. Pelajar perlu diberi satu generalisasi terhadap sesebuah karya supaya perasaan mereka terjurus ke satu arah sebelum diolah perasaan mereka kepada nahu.

Dengan menekankan aspek keindahan bahasa, pelajar berjaya dibawa melihat aspek keindahan syair sebelum meninjau aspek nahu. Di sini, pengajar mampu untuk

menanamkan sifat keberanian, tidak bergantung kepada manusia dalam perjuangan kehidupan dan kesungguhan mengharungi perjalanan.

Pelajar-pelajar selain daripada diajar nahu Arab, mereka juga didedahkan kepada cabangan bahasa Arab itu sendiri, iaitu al-'Arūd wa al-Qawāfi dalam bentuk seimbas lalu tanpa merujuk kepada bahar-bahar yang lain seperti mengalunkan syair tersebut mengikut nada bahr al-wāfir bersama guru.

Ini bertujuan menarik rasa minat dan membiasakan pelajar dengan gaya bahasa syair sebelum menerjah ke dalam pengajian nahu Arab. Proses ini adalah sesuatu perkara biasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesebuah puisi. Walau bagaimanapun ia perlu dilakukan dengan teliti dari sudut alunan, kualiti suara dan perasaan.

Syair mampu dinikmati apabila ia mengetuk gegendang dengan tamparan-tamparan halus yang diterjemahkan ke dalam minda sebagai sesuatu yang enak dan merdu. Sekiranya ini tercapai, maka kenikmatan akan dapat dirasai pelajar sebelum pendekatan-pendekatan lain atau isi pengajaran dapat disampaikan.

Manusia menggunakan bahasa untuk menyatakan sesuatu. Melalui syair juga seseorang itu berkomunikasi dengan manusia lain. Dengan ungkapan yang ringkas, bahasa syair biasanya mengandungi erti yang banyak dan berbagai-bagai.

Tautan kata yang disusun itu merupakan himpunan pengalaman hidup seseorang. Pengalaman duka, gembira pedih, hambar dan manis diolah dan digembeling bersama nilai-nilai yang ada dalam diri pencipta itu sendiri sehingga terciptanya sesebuah syair yang indah.

4.3 Cadangan

Sebelum perbahasan ini diakhiri, pengkaji ingin mencadangkan beberapa langkah yang perlu diambil untuk memantapkan proses Penggunaan Syair Arab Dalam Pengajaran Nahu Arab.

Antara langkah yang dirasakan sesuai dan mampu diketengahkan sebagai cadangan dalam merealisasikan PENGGUNAAN SYAIR ARAB DALAM PENGAJARAN NAHU ARAB adalah seperti berikut,

- a- Guru hendaklah kreatif dan proaktif, iaitu sentiasa mempunyai keupayaan untuk berfikir dalam mempelbagaikan aktiviti pengajaran supaya lebih berkesan dan berusaha tanpa henti di dalam menggali ilmu walaupun daripada *ummahāt al-kutub* seperti huraihan-huraihan puisi yang terkenal. Sekiranya perbahasan berkaitan syair al-Mutanabbiy maka huraihan antologi puisi al-Mutanabbiy, antaranya yang dikarang oleh al-Barqūqiy (Syarḥ Diwān al-Mutanabbiy) boleh dibaca dan dikaji.
- b- Minat guru kepada puisi itu sendiri mestilah sedia tersemai. Minat merupakan motivasi utama untuk guru rajin menyediakan sebarang alat bantu mengajar (ABM). Puisi-puisi ditulis semula di dalam bentuk yang lebih menarik di atas plastik telus atau aplikasi perisian moden komputer.
- c- Dengan minat dan azam mencerakinkan syair dalam bentuk pengajaran bahasa akan membantu keberkesanan dan kemantapan pengajaran dan pembelajaran.

- d- Guru hendaklah mementingkan nilai keindahan yang terdapat di dalam sesebuah puisi itu. Oleh itu, guru mestilah memulakan pengajaran dengan tujuan menghayati keindahan puisi terlebih dahulu. Selepas pelajar menikmatinya, sekaligus menilai keindahan puisi, mereka dibawa pula menikmati keseluruhan puisi tersebut.
- e- Konsep induktif (istiqräey) boleh digunakan. Penyeluruhan dihuraikan dahulu kepada pelajar untuk mendapatkan kecenderungan melihat puisi dengan lebih mendalam seterusnya menjurus ke arah juzuk-juzuk yang membentuk puisi tersebut.
- f- Semasa mengajar guru tidak wajar menggunakan perkataan atau rangkai kata yang susah. Ini boleh dilaksanakan dengan membawa pelajar memahami maksud puisi secara menyeluruh terlebih dahulu.
- g- Guru perlu mengelakkan daripada memberi penerangan yang berlebihan untuk mengelakkan daripada istidrād (استدراد) yang membosankan dan tidak menepati juga lari daripada skop perbicangan
- h- Perkataan dan pengucapan yang dirasakan aneh samada perlu ditinggalkan sahaja daripada didedahkan kepada murid atau digalakkan pelajar-pelajar untuk mencari maksud yang terdapat di sebaliknya di dalam kamus.
- i- Guru hendaklah menggalakkan pelajar mencari jawapan sendiri dalam setiap persoalan yang dapat dikemukakan dari puisi tersebut. Kebebasan memberi pendapat begini akan melatih pelajar menjadi lebih kritikal dan dinamik.

- j- Guru hendaklah menyediakan soalan yang lengkap untuk dikemukakan kepada pelajar. Soalan hendaklah berbentuk pengetahuan dan juga kefahaman. Soalan yang mencabar pemikiran pelajar biasanya melatih mereka berfikiran dengan teliti dan matang.
- k- Guru hendaklah kreatif dan imaginatif, iaitu sentiasa mempunyai keupayaan untuk mempelbagaikan aktiviti pengajaran supaya lebih berkesan.

4.4 Penutup

Segala puji bagi Tuhan seru sekalian alam yang memberi kesempatan kepada pengkaji untuk memanfaatkan masa hidup di dalam menghidupkan asas keilmuan demi kepentingan agama dan manusia juga makhluk yang ada.

Dengan tamatnya pengkajian ini, pengkaji dapat membuat satu kesimpulan bahawa PENGGUNAAN SYAIR DALAM PENGAJARAN NAHU BAHASA ARAB mampu diketengahkan sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan syarat menggunakan metod yang sesuai dan yang tidak tradisional.

Sekiranya kita melihat dan menilai proses pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan, syair-syair tertentu mampu memberi kesan di dalam menanam nilai-nilai keharmonian dan kesepakatan sejagat tanpa perlu memerah tenaga dan minda untuk mencipta bahan pengajaran yang tidak tentu mencapai objektif yang diharapkan.

Walau bagaimanapun, ini bukanlah satu sikap prejedis terhadap mereka yang ingin berkarya dan bukan pula satu pesimis terhadap mereka yang hanya mengharapkan kepada teks kesusasteraan semata.

Setiap satu mempunyai kelebihan dan kekurangan maka terpulang kepada pengadun resipi untuk menjadikannya sebagai syurga dan neraka pelajar dalam menimba ilmu. Pengkaji mempunyai tanggapan, kemampuan guru tidak hanya bergantung kepada ilmu yang sedia ada malah ia perlu ditambah dari masa ke semasa. Ilmu ‘Arūd dan Qawāfi atau prosodi perlu diambil perhatian oleh mereka yang ingin menjadikan pengajaran bahasa sebagai medan pengkajian dan perlaksanaannya.

Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada para pengkaji dan pelajar-pelajar yang meminati kesusasteraan Arab.